

10 JUL 2001

MAHATHIR-NPL

DANAHARTA URUS RM48.1 BILION NPL SETAKAT AKHIR MEI 2001

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) telah berjaya mengurus dan menyelesaikan pinjaman tidak berbayar (NPL) berjumlah RM48.1 bilion daripada institusi kewangan sehingga akhir Mei 2001, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Daripada jumlah tersebut, RM39.9 bilion diperolehi daripada sistem perbankan dengan pencapaian kadar perolehan balik sebanyak 58 peratus, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berucap pada sesi dialog Belanjawan 2002 di sini hari ini.

Katanya, Malaysia telah banyak mencapai kemajuan dalam usaha memperkukuhkan sektor kewangan dan korporat, dan jauh lebih berjaya dalam menerap amalan tadbir urus dan menyusun semula sektor berkenaan berbanding dengan negara-negara serantau yang pernah dilanda krisis kewangan.

Kejayaan Malaysia dicapai dengan strategi serampang tiga mata melalui Danaharta, Danamodal Nasional Bhd dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) dalam menangani masalah NPL melalui fungsi masing-masing mempermodalkan semula institusi perbankan dan menyusun semula sektor korporat.

Danamodal, katanya, telah menyuntik modal sejumlah RM7.6 bilion ke dalam 10 institusi kewangan yang berdaya maju tetapi kekurangan modal, untuk mereka berada pada tahap yang kukuh.

Daripada jumlah tersebut, tujuh buah institusi telah membayar balik sepenuhnya pinjaman mereka dan setakat Mei 2001, baki suntikan modal yang belum dijelaskan adalah sebanyak RM3.7 bilion.

CDRC pula telah berjaya menyelesaikan 46 kes melibatkan hutang sejumlah RM30.3 bilion dari 54 kes permohonan dengan jumlah hutang sebanyak RM39.6 bilion.

Usaha-usaha tersebut telah mendapat pengiktirafan oleh pelbagai pihak dan beliau yakin kemajuan yang memberangsangkan itu boleh dipertingkatkan lagi bagi memperkukuhkan lagi daya saing sektor swasta.

"Oleh itu semua pihak mesti mengutamakan disiplin diri melalui penerapan prinsip-prinsip dan amalan terbaik Kod Malaysia Mengenai Tadbir Urus", katanya. -- BERNAMA

SHO OS